

Penguat kuasa DBKL menutup hotel tanpa lesen diurus warga asing dalam operasi KL Strike Force sekitar ibu kota.

(Foto Facebook DBKL)



DBKL tutup 3 hotel haram warga asing

Tindakan penguatkuasaan diteruskan di lokasi tumpuan

Oleh A'qilah Riduan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menutup serta-merta tiga premis hotel dikendalikan warga asing tanpa lesen, dalam operasi khas

KL Strike Force di sekitar ibu kota.

DBKL menerusi kenyataan di laman Facebook semalam, memaklumkan berdasarkan siasatan dan pemantauan penguat kuasa di lokasi tumpuan hampir seminggu, beberapa premis dikenal pasti untuk dikenakan tindakan penguatkuasaan.

“Dalam operasi KL Strike Force, empat premis hotel didapati beroperasi tanpa lesen perniagaan yang sah serta dikendalikan oleh warga asing.

“Hasil operasi ini, tiga hotel dikenakan tindakan tutup serta-merta di bawah Akta Hotel

(WPKL) 2003,” katanya.

DBKL turut mengeluarkan Notis Pemberitahuan Tentang Kesalahan di bawah Akta Hotel (WPKL) 2003 dan Notis Tawaran Kompam di bawah undang-undang kecil (UUK) Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016 atas pelbagai kesalahan.

“Kita akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang dikenal pasti.

“Sebarang aduan, orang awam boleh berhubung atau salur maklumat di pautan <https://adukl.dbkl.gov.my>,” katanya.